

13 OCT 2001

SHAFIE-PERUNTUKAN

PAKEJ RANGSANGAN FISKAL RM4.3 BILION DIAGIHKAN SECARA BERPERINGKAT

PETALING JAYA, 13 Okt (Bernama) -- Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Hj Mohd Salleh berkata pakej rangsangan fiskal RM4.3 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini telah diagihkan ke negeri-negeri.

Beliau berkata perbendaharaan telah mengagihkan peruntukan itu ke negeri-negeri secara berperingkat.

"Kita harap ianya akan dapat dibelanjakan secepat mungkin," katanya selepas merasmikan majlis pembukaan Pesta Sukan Kementerian Kewangan ke-27 2001 di sini hari ini.

Menurutnya, peruntukan itu adalah untuk digunakan bagi membiayai aktiviti-aktiviti ekonomi yang telah dan bakal dijalankan.

Menyentuh mengenai Belanjawan 2001, Dr Shafie berkata pihak Perbendaharaan masih lagi membuat persiapan terakhir Kertas Belanjawan sebelum dibentangkan di Parlimen pada 19 Okt ini.

"Mereka sedang membuat persiapan terakhir bagi Kertas Belanjawan," katanya

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lebih lanjut mengenai isi kandungan Belanjawan itu.

Mengenai tumpuan yang diberikan oleh kerajaan dalam pembentangan belanjawan negara kali ini, katanya, "Kita akan tumpukan pada teknologi maklumat macam biasa... dan juga pada pembangunan manusia."

Begitu juga masalah-masalah berkaitan kelembapan ekonomi semasa akan sedikit sebanyak diambil perhatian dalam Belanjawan tersebut, tambahnya. --
BERNAMA

RIZ ZK